



www.maipk.gov.my



MAJLIS AGAMA ISLAM DAN 'ADAT MELAYU PERAK

EDARAN PERCUMA

# WADDAH

Edisi 1 2026 | Bilangan 59

Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak



Mukasurat 3



Mukasurat 4



Mukasurat 5



**Mukasurat 3**  
MAJLIS TAMAT LATIHAN PESERTA  
TVET PENYELAMAN KOMERSIAL: BUKTI  
KEMAHUAN BUKAN HALANGAN  
KEJAYAAN

**Mukasurat 4**  
KUNJUNGAN HORMAT MAIPK KE  
PUSAT KOREKSIONAL KAMUNTING

**Mukasurat 5**  
PROGRAM ZIARAH MAHABBAH MAIPK  
BERSAMA KOMUNITI ORANG ASLI  
TEBANG

# Sidang Redaksi

**PENASIHAT**

Syamsul Hazeman bin Md Salleh  
*Ketua Pegawai Eksekutif*

**KETUA EDITOR**

Munawir bin Mohamed Noh  
*Pengurus Besar Bahagian Komunikasi Strategik, Sekretariat & Adat Melayu*

**EDITOR**

Norhidayu binti Sakdon  
*Pengurus Unit Komunikasi Strategik*

Mohd Yakop bin Ikram  
*Penolong Pengurus Unit Komunikasi Strategik*

**JURUFOTO**

Hamizul bin Othman  
*Pembantu Tadbir Unit Komunikasi Strategik*

Nurul Farzana binti Ahmad Shah  
*Pembantu Tadbir Unit Komunikasi Strategik*

Amirul Khalid bin Ahmad  
*Pembantu Tadbir Unit Sekretariat*

**EDARAN**

Unit Komunikasi Strategik

Edisi 1 | 2026 | Bil. 59

# Wadah

**DITERBITKAN OLEH:**

Unit Komunikasi Strategik  
Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak,  
Tingkat 6, Kompleks Islam Darul Ridzuan,  
30000 Ipoh, Perak.  
Tel: 05-208 4000 Faks: 05-241 4257

Laman web: [www.maipk.gov.my](http://www.maipk.gov.my)  
<https://wakafperak.gov.my/>

Emel: [korporat@maipk.gov.my](mailto:korporat@maipk.gov.my)

Facebook: Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak

Instagram : ZakatPerak\_Official

Tiktok : MajlisAgamaislamPerak

## Isi Kandungan

Sidang Redaksi	2
Semasa	3 - 10
Projek Wakaf	11
Jom Bayar Fidyah	12

# MAJLIS TAMAT LATIHAN PESERTA TVET PENYELAMAN KOMERSIAL: BUKTI KEMAHUAN BUKAN HALANGAN KEJAYAAN

**IPOH, 12 Januari 2026** - Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPK) dengan kerjasama VETA Kolej telah menganjurkan Majlis Tamat Latihan Peserta TVET MAIPK bagi Kursus Penyelaman Komersial bertempat di Kompleks Islam Darul Ridzuan, Ipoh.

Majlis ini disempurnakan oleh Ketua Pegawai Eksekutif MAIPK, Tuan Syamsul Hazeman bin Md Salleh dalam meraikan kejayaan 14 orang peserta asnaf yang telah berjaya menamatkan kursus penyelaman komersial dilaksanakan pada Disember 2025. Turut hadir adalah Pengarah Urusan Vocational Training Academy Sdn Bhd, Puan Hajah Roszida binti Haji Othman dan Pengarah Teknikal Divestuff International Sdn Bhd, Tuan Mohamed Syamsul Bahari bin Mohamed Rashid.

Program latihan berimpak tinggi ini melibatkan kos keseluruhan sebanyak RM315,000.00 merangkumi yuran latihan, penginapan dan makan minum, elaun bulanan serta elaun permulaan kerja. Dalam majlis yang sama, para peserta turut menerima surat tawaran pekerjaan daripada Divestuff International Sdn. Bhd. Kesemua peserta akan memulakan kerjaya sebagai tender dengan gaji permulaan RM2,500.00 bagi tempoh satu bulan sebelum dinaik taraf sebagai penyelam profesional, dengan anggaran pendapatan bulanan antara RM4,000.00 hingga RM6,000.00

Pelaksanaan program TVET ini mencerminkan komitmen berterusan MAIPK dalam memperkasa golongan asnaf melalui pembangunan kemahiran, latihan profesional dan penempatan kerjaya yang terjamin, sekali gus mengurangkan risiko kemiskinan jangka panjang serta meningkatkan taraf sosioekonomi peserta.

Inisiatif ini membuktikan bahawa melalui pendekatan TVET yang berstruktur dan berfokus kepada keperluan industri, kemahiran dan kesungguhan mampu mengatasi kekangan latar belakang, seterusnya membuka ruang kepada pembinaan kerjaya dan masa depan yang lebih mampan.



# MAIPK ADAKAN KUNJUNGAN HORMAT KE PUSAT KOREKSIONAL KAMUNTING



**TAIPING, 15 Januari 2026** - Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPk) telah mengadakan kunjungan hormat ke Pusat Koreksional Kamunting. MAIPk yang diketuai oleh Ketua Pegawai Eksekutif, Syamsul Hazeman bin Md Salleh, bersama barisan pengurusan kanan disambut oleh Pengarah Pusat Koreksional Kamunting, Penolong Komisioner Penjara (PKP) Mohd Hidayat bin Ismail, bersama barisan pengurusan pusat tersebut.

Kunjungan ini diharap dapat memperkukuh hubungan kerjasama strategik, khususnya dalam aspek kebajikan, pemulihan serta pemerkasaan sosioekonomi dan pembangunan golongan yang memerlukan.



# PROGRAM ZIARAH MAHABBAH MAIPK BERSAMA KOMUNITI ORANG ASLI TEBANG

**GERIK, 24 Januari 2026** - Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPk) melalui kerjasama Zakat Perak Al-Ridzuan dan MUBARAK Gerik telah melaksanakan Program Ziarah Mahabbah dan Bantuan Kotak Makanan serta Beras Fidyah di Perkampungan Orang Asli Tebang, Gerik. Program ini bertujuan menyantuni komuniti Orang Asli serta menyalurkan bantuan keperluan asas kepada golongan yang memerlukan.

Sebanyak 30 kotak makanan berserta beras fidyah telah diserahkan kepada penerima sebagai usaha meringankan beban kos sara hidup harian. Penyerahan bantuan disempurnakan oleh Pengurus Besar MAIPk Zon Timur, Zul-Azri bin Hosaini, yang turut berkesempatan berinteraksi secara dekat dengan komuniti setempat bagi memahami keperluan serta cabaran yang dihadapi.

Turut hadir mewakili MUBARAK Gerik ialah Muhammad Sayuti bin Mohd Shaiful Bahari. Program ini mencerminkan komitmen berterusan MAIPk dan rakan strategik dalam memastikan agihan zakat dan fidyah dilaksanakan secara beramanah, menyeluruh dan menyantuni golongan asnaf serta komuniti pedalaman di Negeri Perak.



# MAIPK PERKASA BELIA ORANG ASLI PERAK MELALUI TAJAAN PENUH LATIHAN SENI KRAF DI INSTITUT KRAF NEGARA



**RAWANG, 05 Januari 2026** - Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPK) membuka tirai TVET 2026 dengan penghantaran 15 belia Orang Asli Perak ke Institut Kraf Negara (IKN), Rawang sebagai langkah strategik dalam usaha memperkasa belia melalui pembangunan kemahiran berimpak tinggi.

MAIPK mengambil inisiatif membawa kumpulan peserta ini melawat Institut Kraf Negara sebagai strategi awal untuk memberi pendedahan dan memupuk minat serta membuat penilaian potensi sebelum memulakan latihan secara rasmi. Langkah ini bertujuan memastikan peserta bersedia untuk mengikuti dan menamatkan latihan dengan jayanya.

Peserta akan mengikuti latihan intensif selama 1 tahun 6 bulan dalam bidang seni kayu, seni rotan, seni batik, seni logam dan tenunan, yang melayakkan mereka memperoleh Pensijilan Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 3, seterusnya melahirkan tenaga kerja seni kraf yang berkemahiran, berdaya saing dan berpotensi menjana pendapatan secara mampan.

Inisiatif ini mencerminkan komitmen berterusan MAIPK dalam menyediakan laluan pembangunan sendiri yang tersusun dan berfokus, selaras dengan usaha meningkatkan kualiti hidup asnaf ke arah masa depan yang lebih stabil dan berdaya tahan.

Bagi belia asnaf di negeri Perak, MAIPK akan terus memperkukuh pelaksanaan program TVET secara lebih berfokus dan menyeluruh. Nantikan tawaran latihan kemahiran seterusnya yang membuka peluang untuk memperbaiki taraf hidup serta membina masa depan yang lebih cerah dan berdaya saing.

"Bersama MAIPK, kemahiran adalah kunci perubahan"

## MAIPK ZON UTARA SANTUNI DAN SAMPAIKAN BANTUAN MANGSA KEBAKARAN DAN KEMALANGAN

**PARIT BUNTAR, 11 Januari 2026** - Pengurus Besar MAIPK Zon Utara, Mohd. Saufi bin Ibrahim dan Pengurus Cawangan MAIPK Parit Buntar, Muhammad Isyraf Danial bin Mazlan menziarahi serta menyampaikan bantuan kecemasan tunai kepada mangsa kebakaran di Kampung Tok Pulut, Kuala Kurau Dalam insiden berkenaan, dua buah rumah mengalami kerosakan teruk akibat kebakaran, manakala sebuah rumah lagi mengalami kerosakan kecil.

Permohonan bantuan bina atau baik pulih rumah seterusnya akan diproses tertakluk kepada kriteria dan syarat yang ditetapkan. MAIPK kekal komited dalam membantu golongan yang terjejas serta memerlukan.



**BAGAN SERAI, 18 Januari 2026** - Pengurus Besar MAIPK Zon Utara, Mohd. Saufi bin Ibrahim menziarahi serta menyampaikan bantuan kecemasan tunai kepada waris seorang pelajar yang menjadi mangsa kemalangan jalan raya di Taman Serai Jaya, Bagan Serai, yang berlaku pada 14 Januari 2026.

Dalam insiden tersebut, Nur Aqillah Raudhah binti Azlan, pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Sri Kurau, yang menunggang motosikal dalam perjalanan ke sekolah dilaporkan bertembung dengan sebuah lagi motosikal, mengakibatkan beliau mengalami kecederaan serius di bahagian muka. Mangsa dijadualkan menjalani pembedahan implan pemasangan plat titanium pada 20 Januari 2026 di Klinik Bedah Mulut dan Maksilofasial (OMFS), Hospital Taiping.

**BAGAN SERAI, 25 Januari 2026** - Pengurus Besar MAIPK Zon Utara, Mohd. Saufi bin Ibrahim menziarahi serta menyampaikan bantuan kecemasan tunai kepada mangsa kebakaran di Kampung Parit Jawa, Bagan Serai. Mangsa, Zainuddin bin Hashim memaklumkan bahawa kejadian kebakaran yang berlaku sekitar jam 9.30 pagi tersebut telah memusnahkan keseluruhan rumah kediaman beserta harta benda.

Permohonan bantuan bina rumah seterusnya akan diproses tertakluk kepada kriteria dan syarat yang ditetapkan. MAIPK kekal komited dalam membantu golongan yang terjejas dan memerlukan.



# KUNJUNGAN HORMAT DAN PERBINCANGAN KERJASAMA STRATEGIK MARA

IPOH, 16 Januari 2026 - Ketua Pegawai Eksekutif Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPK), Tuan Syamsul Hazeman bin Md Salleh telah menerima kunjungan hormat daripada Majlis Amanah Rakyat (MARA) yang diketuai oleh Pengarah Bahagian Penganjuran Pelajaran MARA, Dr. Ahmad Sabri bin Kassim.

Perbincangan tertumpu kepada potensi kolaborasi strategik melibatkan bantuan pendidikan, sokongan kebajikan pelajar serta pelaksanaan inisiatif pembangunan modal insan secara bersepadu.

Kedua-dua pihak turut bertukar pandangan mengenai keperluan semasa pelajar MARA di Negeri Perak, termasuk aspek sokongan kewangan, kebajikan dan pembangunan sahsiah, selari dengan matlamat melahirkan generasi berilmu, berkemahiran dan berdaya saing.



# MAIPK PERKUKUH HUBUNGAN STRATEGIK BERSAMA KWSP IPOH

IPOH, 22 Januari 2026 - Bahagian Baitulmal, Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPK) telah mengadakan kunjungan hormat ke Pejabat Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) Cawangan Ipoh.

Kunjungan tersebut diketuai oleh Pengurus Besar Bahagian Baitulmal MAIPK, Encik Ahamad Muzammil bin Arbain, dan disambut oleh Encik Mohammad Khairi Ibrahim, Ketua Cawangan KWSP Ipoh, bersama Encik Daumi Nasran Salleh, Ketua Seksyen Perhubungan Pelanggan serta Encik Mhd Fuaz Rahman, Pegawai Penasihat Pelanggan.

Perbincangan yang berlangsung menumpukan kepada potensi kolaborasi strategik antara MAIPK dan KWSP, khususnya berkaitan pengurusan dana atau wang tidak patuh syariah yang melibatkan pencaerum Islam.



# PROGRAM MESRA HARI BERTEMU PELANGGAN KERAJAAN NEGERI PERAK SIRI 1/2026

**IPOH, 29 Januari 2026** - Program Mesra Hari Bertemu Pelanggan Kerajaan Negeri Perak Siri 1/2026 kali ini berlangsung di Stadium Indera Mulia, Ipoh. Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPk) diwakili oleh Pengurus Besar Bahagian Agihan Zakat, Encik Suhaimi bin Yusoff dan Pengurus Bahagian Agihan Zakat, Encik Mohammed Tasyreef bin Mohamd Tarmizi hadir menyantuni para pelanggan serta mendengar sendiri pandangan dan maklum balas yang dikongsikan.

MAIPk mengalu-alukan kerjasama orang ramai untuk menjadi mata dan telinga masyarakat dalam menyalurkan maklumat berkaitan golongan asnaf yang memerlukan bantuan. MAIPk juga komited dalam menyelesaikan isu-isu berkaitan wakaf serta menggalakkan masyarakat untuk bersama-sama menghidupkan amalan berwakaf demi kebaikan dan manfaat bersama.

Semoga dengan keprihatinan dan sokongan semua pihak, tiada yang terpinggir daripada menerima bantuan yang sewajarnya, dan potensi wakaf dapat dimanfaatkan sepenuhnya untuk kesejahteraan ummah.



# Tahniah

## MAJLIS AGAMA ISLAM DAN 'ADAT MELAYU PERAK

Setinggi-tinggi tahniah diucapkan kepada Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPK) atas kejayaan menerima tiga sijil penghargaan daripada Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak.



**1** Pematuan terhadap Kriteria Pemantauan Laman Web dan Servis Kerajaan (SPLaSK) tahun 2025

**2** Pengauditan Nilai tahun 2025 – Sistem Pengurusan Amalan Nilai (SPAN)

**3** Sistem Pengurusan Aduan Awam (SISPAA) tahun 2025

Pengiktirafan ini merupakan satu pencapaian yang membanggakan dan mencerminkan komitmen MAIPK dalam memperkukuh tabdir urus, pematuan piawai serta penyampaian perkhidmatan yang berkualiti. Semoga kejayaan ini menjadi pemangkin kepada kecemerlangan yang berterusan serta meningkatkan keyakinan dan kepercayaan masyarakat terhadap pengurusan dan perkhidmatan MAIPK.



مجلس أئمة إسلام  
دان عادت ملايو فيراق

# PELAKSANAAN PROJEK PEMBANGUNAN

PROJEK WAKAF PUSAT DIALISIS  
@ KUALA KANGSAR



40%

## PERATUSAN KEMAJUAN

- Pelaksanaan kerja-kerja pembangunan pusat rawatan dialisis di Kuala Kangsar yang dijangka bermula TAHUN 2026.
- Reka bentuk 3D dan konsep dalaman bagi projek ini telah disediakan.

**Moh kome kita berwakaf!**  
**Imbas kod QR sekarang!**

@Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak

[www.maipk.gov.my/](http://www.maipk.gov.my/)



SCAN ME





مجلس ائام اسلام  
دان عادات ملايو فراق


# Perbezaan Fidyah & Kaffarah

- **FIDYAH** adalah bayaran denda ke atas seseorang yang meninggalkan puasa atas sebab-sebab tertentu.
- **KAFFARAH** adalah hukuman atau bayaran yang wajib dilakukan untuk menebus kesalahan melanggar ketetapan syariat seperti persetubuhan pada siang hari bulan Ramadan, melanggar sumpah atau nazar, ila', zihar dan lain-lain

## CARA PEMBAYARAN

- 1 Bayar secara online di laman <https://fidyah.maipk.gov.my/>
- 2 Bayar di kaunter cawangan MAIPK yang berdekatan.

IMBAS UNTUK  
BAYAR FIDYAH  
SECARA ONLINE



@Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak

[www.maipk.gov.my/](http://www.maipk.gov.my/)

